

Nasional

MS 20

Seminar Bimbingan Peperiksaan BH tajaan PROLINTAS



Antara calon PT3 mengikuti Seminar Bimbingan BH di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

Persiapan akhir calon PT3

250 pelajar babit lapan sekolah didedah teknik belajar

Oleh Izwan Zulkifli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Walaupun kualiti udara di ibu negara berada pada tahap tidak sihat kerana berjerebu, ia tidak menghalang 250 calon Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) menghadiri Seminar Bim-

bingan Peperiksaan BH tajaan Kumpulan Syarikat PROLINTAS (PROLINTAS) di sini, semalam.

Program dua hari yang dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Vertikal Pendidikan NSTP itu menumpukan kepada panduan dan kaedah menjawab soalan peperiksaan secara berkesan membatikan lapan sekolah.

Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu membabitkan empat mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Matematik, Bahasa Inggeris dan Sains.

Sebagai persiapan akhir menjelang PT3 hujung bulan ini, peserta didedahkan dengan teknik belajar dan kaedah menjawab soalan secara berkesan daripada

barisan penceramah berpengalaman dan pakar dalam subjek masing-masing.

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pandan Jaya, Nur Iman Wira, 15, berkata pembelajaran selama dua hari itu banyak membantunya untuk mendapat teknik baharu dalam menjawab soalan dengan mudah.

"Saya mahu mendapatkan keputusan cemerlang dalam PT3, bukan saja untuk diri saya tetapi untuk keluarga yang banyak memberikan sokongan."

"Saya tidak akan melepaskan peluang untuk menyertai mana-mana seminar anjuran sekolah kerana ia bukan sahaja membantu dalam pembelajaran, malah me-

numpukan kepada mata pelajaran yang saya agak lemah," katanya.

Pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Selangor Alam Impian, Shah Alam, Muhamad Faris Zamanhuri, 15, berkata dia berasa teruja selepas terpilih untuk menyertai seminar itu.

"Saya pernah mendengar cerita mengenai keberkesanan seminari ini dan ingin mendapatkan ilmu menerusi penceramah yang pakar dalam bidang masing-masing."

"Walaupun jerebu, saya tekad untuk hadir bagi meluaskan lagi ilmu pengetahuan dan memperbaiki subjek akademik dan sosial bagi persediaan menjelang PT3 bulan depan," katanya.